



Headline	Bank lulus pinjaman rumah RM25.7b
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	22 Jul 2017
Section	Ekonomi
Page No	18
Language	Malay
Journalist	MUHD. SHAHIZAM TAZALI
Frequency	Daily



Bank komersial luluskan lebih **RM25.7b** pinjaman perumahan.

Produk pembiayaan disesuaikan dengan kemampuan pemohon.

RM24.6b telah disalurkan kepada peminjam.

Tawar produk yang bersesuaian dengan skim-skim kerajaan.

Punca pinjaman tidak lulus:

- a) DSR tinggi
- b) Rekod kredit yang buruk
- c) Pendapatan tidak mencukupi
- d) Kemampuan bayar balik tidak jelas
- e) Rekod dokumentasi yang lemah

Bank lulus pinjaman rumah RM25.7b

Oleh **MUHD. SHAHIZAM TAZALI**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 JULAI

BANK-BANK komersial telah meluluskan lebih RM25.7 bilion pinjaman bagi tujuan pembelian hartanah kediaman di antara Januari hingga Mei tahun ini.

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM24.6 bilion telah disalurkan kepada peminjam.

Tambahnya, pinjaman perumahan merupakan komponen terbesar mewakili 34.4 peratus daripada keseluruhan portfolio pinjaman bank komersial sehingga Mei lalu.

“Bagi kes pembelian kediaman menggunakan kaedah pajakan, pihak bank menawarkan produk yang bersesuaian dengan tahap pendapatan pembeli.

“Produk pembiayaan rumah merangkumi pelbagai ciri antaranya fleksibiliti dan kekerapan pembayaran, kombinasi antara terma pinjaman dan pembi-

ayaan overdraf serta kemudahan pengeluaran semula pengeluaran,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

ABM juga berkata, terdapat beberapa produk khusus bank komersial yang disesuaikan dengan skim-skim perumahan kerajaan

seperti Skim Jaminan Perumahan, Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Istimewa Pembiayaan Akhir Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Skim Sewa Untuk Memiliki PR1MA.

Tambahnya, produk pembiayaan rumah bank komersial disesuaikan dengan peminjam daripada aspek pendapatan dan jenis hartanah yang ingin dibeli termasuk rumah mampu milik.

Berhubung dengan permohonan yang ditolak, persatuan itu menjelaskan punca utama kerana

nisbah perkhidmatan hutang (DSR) yang tinggi, mempunyai rekod buruk terhadap pinjaman yang lepas serta tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi bagi menampung jumlah pembiayaan yang dipohon.

“Tempoh bekerja dan memu-

lakan perniagaan juga mempengaruhi kelulusan sesuatu pinjaman dengan menilai kapasiti pemohon untuk membuat pembayaran dalam jangka sederhana dan panjang.

“Dokumen sokongan yang lemah dan rekod perbankan yang tidak konsisten boleh menyebabkan permohonan mereka ditolak kerana kekurangan bukti,” ujarnya.

Bagaimanapun katanya, dalam usaha pihak bank untuk mengembangkan lagi portfolio pinjaman, mereka harus melindungi kepentingan pendeposit dan terikat dengan peraturan seperti polisi kredit dalaman bagi memastikan peminjam tidak dibebani dengan tanggungan pembiayaan.